

08 MAR 2001

SABAH HADAPI MASALAH LEWAT LAKSANA PROJEK PEMBANGUNAN

KOTA KINABALU, 8 Mac (Bernama) -- Banyak projek-projek pembangunan yang dirancang di Sabah dalam tempoh setiap rancangan pembangunan Malaysia tidak dapat disiapkan mengikut jadual, kata Menteri di Jabatan Ketua Menteri Datuk Musa Aman hari ini.

Beliau berkata Kerajaan Negeri memandang berat masalah itu kerana kegagalan menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan boleh membantut kelancaran pembangunan negeri.

"Selain itu, kelewatan juga menyebabkan rakyat tidak dapat menikmati kemudahan-kemudahan seperti kemudahan pendidikan dan kesihatan," katanya ketika merasmikan penyampaian sijil penghargaan kepada kontraktor-kontraktor cemerlang, di sini.

Musa berkata, kelewatan itu juga akan menyebabkan negeri menanggung kerugian kerana terpaksa mengeluarkan peruntukan yang lebih apabila harga bahan-bahan binaan naik mengikut peredaran masa.

Oleh itu, beliau meminta kontraktor tempatan mendalami bidang pembinaan terutama aspek pengurusan dalam usaha melahirkan lebih banyak kontraktor yang mahir, cekap dan berwibawa.

"Untuk mencapai kecemerlangan, mereka perlu bersikap terbuka, amanah dan jujur serta berusaha untuk mengatasi apa juga masalah yang dihadapi dalam melaksanakan projek pembangunan," katanya.

Musa turut menasihati kontraktor supaya menghentikan amalan menyerahkan projek atau menjualnya kepada pihak lain kerana ia merugikan dan tidak selari dengan peraturan pengendalian projek kerajaan.

-- BERNAMA

NT PR